

U B460 DEB  
MAHATHIR - YAKIN 2 R R R

KOTA BAHARU, 31 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD YAKIN BARISAN NASIONAL KELANTAN AKAN MEMPEROLEHI KEMENANGAN MAJORITI DUA PERTIGA UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN NEGERI JIKA KESEMUA JENTERA PILIHANRAYA PARTI-PARTI KOMPONEN BEKERJA KUAT.

KATANYA, LAPORAN YANG DITERIMA DARIPADA TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA YANG MELAWAT KELANTAN SEMALAM DAN MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMED YAACOB MEYAKINKAN BELIAU BAHAWA BN AKAN MENANG PADA PILIHANRAYA UMUM ITU DENGAN KERUSI TERBANYAK DI KELANTAN.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEKERJA PILIHANRAYA BN DI SINI HARI INI, BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENGARAHKAN PEKERJA-PEKERJA PARTI ITU KHASNYA DARIPADA UMNO SUPAYA BEKERJA LEBIH KUAT DAN MENUMPUKAN PERHATIAN YANG LEBIH DI KAWASAN-KAWASAN KUBU PAS.

BELIAU MENASIHATI JENTERA PILIHANRAYA SUPAYA BEKERJA UNTUK KEMENANGAN PARTI DAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN CALON-CALON YANG BERTANDING ATAU INDIVIDU.

BELIAU MENASIHATI MEREKA SUPAYA JANGAN KECEWA UNTUK BEKERJA BAGINEREBUT KAWASAN-KAWASAN YANG KINI MENJADI KUBU PAS KERANA KEMENANGAN ADALAHUNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN INDIVIDU. -- LAGI.

U B475 DEB  
MAHATHIR - YAKIN 2 KOTA BAHARU R R R

PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK ADA GUNANYA JIKA SESEORANG CALON YANG BERTANDING MENANG TETAPI PARTI KESELURUHANNYA KALAH PADA PILIHANRAYA DAN MENJADI PEMBANGKANG DALAM DEWAN UNDANGAN NEGERI ATAU DEWAN RAKYAT.

KATANYA, PENGALAMAN DI KELANTAN SELAMA LEBIH 18 TAHUN BN (DAHULU PERIKATAN) MENJADI PEMBANGKANG TIDAK BANYAK MEMBERI FAEDAH KEPADA RAKYAT SELURUHNYA.

BELIAU BERKATA SEKIRANYA BN MENDAPAT JUMLAH KERUSI YANG CUKUP UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN SEMUA RAKYAT TERMASUK PEKERJA JENTERA PILIHANRAYA SENDIRI AKAN MENIKMATI FAEDAHNYA.

KATA DATUK SRI DR. MAHATHIR, PERJUANGAN BN UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN PERIBADI ATAU INDIVIDU.

BELIAU MENYERU ANGGOTA-ANGGOTA PARTI YANG TIDAK DIPILIH BERTANDING DALAM PILIHANRAYA INI SUPAYA TERUS MEMBERI KHIDMAT KEPADA PARTI DAN BEKERJA SECARA SUKARELA MEMBANTU JENTERA PILIHANRAYANYA. -- LAGI.

1559MST 31 07 86

U B479 DEB  
MAHATHIR - YAKIN 3 KOTA BAHARU R R R

KATANYA, SOAL SIAPA YANG MENJADI CALON TIDAK PENTING KERANA JIKA DIA MENANG SEKALIPUN CALON ITU TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA SECARA PERSENDIRIAN KERANA YANG MEMBENTUK APA-APA DASAR IALAH PARTI.

BELIAU BERKATA BAHAWA WALAUPUN SESEORANG WAKIL RAKYAT ITU KAYA, DIA TIDAK MAMPU UNTUK MENJALANKAN APA-APA PEMBANGUNAN YANG MEMAKAN BELANJA BERJUTA-JUTA RINGGIT UNTUK RAKYAT.

BELIAU YANG JUGA Pengerusi BN MEMINTA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI KOMPONENNYA MCA, MIC DAN HAMIM SUPAYA MEMBERI SOKONGAN KEPADA CALON-CALON BN WALAUPUN CALON-CALON PARTI YANG MEREKA ANGGOTA TIDAK TERPILIH BERTANDING.

KATANYA, PARTI-PARTI KOMPONEN DALAM BN PERLU SALING BANTU-MEMBANTU DAN SOKONG-MENYOKONG ANTARA SATU SAMA LAIN. INI KERANA CALON DARIPADA SESEBUAH PARTI KOMPONEN MEMERLUKAN SOKONGAN DARIPADA PENYOKONG-PENYOKONG PARTI KOMPONEN YANG LAIN UNTUK MENANG.

SOKONGAN SEUMPAMA ITU PERLU DIBERI KERANA PADA KALANGAN PARTI-PARTI KOMPONEN, MASING-MASING MEMPUNYAI GILIRAN UNTUK MENDAPAT SOKONGAN DARIPADA ANGGOTA PARTI KOMPONEN YANG LAIN. -- LAGI.

0510

U 8480 DEB  
MAHATHIR - YAKIN 4 KOTA BAHARU R R R

BELIAU BERKATA BEKAS CALON-CALON BN YANG TIDAK DIPILIH BERTANDING PADA KALI INI, JUGA PERLU MEMBERI SOKONGAN KEPADA CALON-CALON PARTI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGINGATKAN CALON-CALON YANG MENANG KELAK SUPAYA TIDAK MELUPAI PENGUNDI-PENGUNDI YANG MEMBERI KEMENANGAN KEPADA MEREKA.

KATANYA, WAKIL-WAKIL RAKYAT PERLU MELAWAT SEBERAPA KERAP YANG BOLEH KE KAWASAN MADING-MADING DAN TIDAK MENGABAIKAN TANGGUNJAWAB YANG DIAMANAHKAN KEPADA MEREKA UNTUK BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT. --  
BERNAMA.

1606MST 31 07 86